

3 JAN 1996

Waktu Anjal

PINDAAN KEPADA AKTA PEKERJAAN UNTUK WAKTU ANJAL BEKERJA TAHUN INI

KUALA LUMPUR, 3 Jan (Bernama) -- Pindaan Akta Pekerjaan 1955 bagi membolehkan majikan mempunyai waktu anjal bekerja untuk menarik kira-kira sejuta surirumah dan pesara untuk bekerja sambil atau sepenuh masa akan dibentangkan di Parlimen pertengahan tahun ini.

Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek berkata Pejabat Peguam Negara telah memersetujui draf rang undang-undang berkenaan dan menyerahkannya semula kepada kementerian untuk sedikit pengubahsuaian sebelum dikemukakan kepada Kabinet.

Dengan pindaan itu, majikan boleh mendapatkan pekerja pada waktu anjal mengikut keperluan mereka dan tersedia ada pekerja, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat kementerianya di sini hari ini.

Beliau berkata kerajaan menggalakkan sektor swasta mengambil pesara berdasarkan pengalaman mereka dalam pelbagai bidang.

Pindaan itu susulan kekurangan tenaga pekerja di negara ini yang membawa kepada kebanjiran masuk pekerja asing.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan Tahun Baru berkata terdapat 1.2 juta pekerja asing di Malaysia dan angka itu akan mencecah 2.3 juta menjelang tahun 2000.

Antara langkah yang digariskan oleh Dr Mahathir untuk mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing ialah mendapatkan pesara untuk terus bekerja.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob semalam berkata surirumah daripada kalangan wanita asing yang berkahwin dengan rakyat negara ini juga akan dibenarkan bekerja.

Sementara itu, Jabatan Perkhidmatan Awam sedang membuat kajian terakhir terhadap cadangan Cuepacs berhubung pengagihan pelarasan gaji didasarkan kepada RM2,000 juta yang ditawarkan oleh kerajaan.

Lim berkata beliau memberi taklimat kepada Kabinet pada mesyuarat minggunya hari ini mengenai perkara itu dan kerajaan berharap 848,000 kakitangan kerajaan dapat menikmati gaji baru sebelum perayaan Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidilfitri bulan depan. -- Bernama.